



LEMBAGA PELABUHAN KELANG

Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang
Tel: 03-3168 8211 Faks: 03-3168 8228

KUNJUNGAN HORMAT TENTERA LAUT CHINA KE ATAS PENERUSI LEMBAGA PELABUHAN KELANG

PELABUHAN KLANG, 7 Oktober – Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) telah menerima kunjungan hormat daripada Tentera Laut Negara China pada 7 Oktober 2016.

Seramai 9 orang pegawai kanan daripada tiga buah kapal perang China iaitu CNS Xiang Tan, CNS Zhou Shan dan CNS Chao Hu yang berlabuh di Boustead Cruise Center (BCC), Pelabuhan Klang dari 7 hingga 11 Oktober 2016 telah disambut oleh Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kelang, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Kong Cho Ha di Ibu Pejabat, LPK.

Perwakilan Tentera Laut China terdiri daripada Senior Col. Wang Hongli (Commander-in-Chief ETG 531), Capt. Dong Qian (PM Xiang Tan), Capt. Zhao Qingliang (PM Zhou Shan), Capt. Zhou Baojun (PM Chao Hu) dan pegawai operasi kapal serta diiringi oleh beberapa orang pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia.

Dalam pertemuan selama 30 minit, kedua-dua pihak telah menyentuh tentang jalinan hubungan dua hala dan kerjasama yang erat di antara kedua-dua buah negara selain daripada membincangkan isu-isu kepentingan bersama.

Kapal-kapal tersebut adalah dalam perjalanan balik ke Pelabuhan Zhoushan di China setelah berkhidmat di perairan Telok Aden, Timur Tengah sebagai sebahagian daripada usaha bersama antarabangsa membanteras masalah keganasan lanun di perairan tersebut.

-TAMAT-







